



IKLAN JAWATAN KOSONG

Seluruh warganegara Malaysia termasuk staf Sinergi Perdana Sdn. Bhd (SPSB) adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan di SPSB seperti maklumat berikut:

MAKLUMAT JAWATAN

1. KETUA JABATAN PEROLEHAN (PG4)	
Gred Jawatan	: Pengurus Gred 4 (PG4)
Tangga Gaji	: RM2,931 – RM8,334
Status Jawatan	: Tetap / Kontrak
Jabatan	: Perolehan
Lokasi	: Pejabat SPSB, Menara Kumpulan RISDA, Jalan Ampang Ulu 3, Kuala Lumpur
Kekosongan	: Satu (1)

RINGKASAN TANGGUNGJAWAB

Bertanggungjawab dalam menguruskan aktiviti perolehan terutama urusan pembelian bekalan bahan mentah, aset dan lain-lain yang diperlukan syarikat dengan mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

SKOP TUGASAN

- Menguruskan, menyediakan dan merancang bajet dan laporan bulanan atau tahunan berkenaan aktiviti pembelian oleh syarikat
- Menilai dan menganalisis pihak pembekal / vendor melalui proses tender
- Mengekalkan hubungan dan komunikasi yang baik dengan pihak pembekal dan vendor
- Menguruskan urusan pembelian secara terus atau tender mengikut tatacara yang ditetapkan
- Membuat keputusan secara professional dan telus
- Menghadiri dan mengetuai semua mesyuarat berkaitan perolehan
- Menyediakan kertas kerja berkaitan aktiviti perolehan kepada Ahli Lembaga Pengarah dan Pemegang Saham Syarikat



- Bertanggungjawab menyelia unit dan staf di bawah Jabatan Perolehan
- Memantau penuh urusan tender, dan pesanan belian yang diperlukan syarikat terutama permintaan daripada Jabatan atau unit di SPSB
- Lain-lain tugas seperti yang diarahkan oleh Pengurusan syarikat

SYARAT DAN KELAYAKAN AKADEMIK SERTA PENGALAMAN

- Warganegara Malaysia.
- Berumur tidak kurang daripada 25 tahun.
- Sekurang-kurangnya memiliki Ijazah Sarjana Muda Kewangan atau Perbankan / Sarjana dalam Pengurusan Peniagaan atau mana-mana bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan.
- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- Pengalaman kerja tidak kurang lima (5) tahun dalam perolehan diberi keutamaan.
- Calon yang sedang berkhidmat di Kumpulan RISDA Holdings (KRH) perlu mendapat perakuan daripada Ketua Pegawai Eksekutif masing-masing.

2. KERANI SUMBER DAN BELIAN (KG3)	
Gred Jawatan	: Kerani Gred 3 (KG3)
Tangga Gaji	: RM1,700 – RM3,359
Status Jawatan	: Tetap / Kontrak
Jabatan	: Perolehan
Lokasi	: Pejabat SPSB, Menara Kumpulan RISDA, Jalan Ampang Ulu 3, Kuala Lumpur.
Kekosongan	: Satu (1)

RINGKASAN TANGGUNGJAWAB

Bertanggungjawab membantu Ketua Unit / Eksekutif Unit Sumber & Belian dan Ketua Unit / Eksekutif Unit Perolehan dalam melaksanakan aktiviti perolehan seharian.

SKOP TUGASAN

- Mengeluarkan Pesanan Belian (PO) kepada pembekal.
- Menyemak invois pembekal berdasarkan PO yang dikeluarkan sebelum disemak oleh Ketua Unit Sumber & Belian sebelum diluluskan oleh Ketua Jabatan Perolehan untuk urusan pembayaran oleh Jabatan Kewangan.
- Melakukan tindakan susulan dengan pembekal untuk mendapatkan maklumat produk seperti harga dan jadual penghantaran.
- Berhubung secara kerap dengan pembekal untuk memastikan barang diterima tepat pada masanya.
- Mengemaskini secara harian bagi laporan PO dan Invois.
- Bekerjasama rapat dengan pelbagai jabatan untuk memastikan aktiviti pembelian sejajar dengan objektif dan sistem keperluan syarikat.
- Mengemaskini maklumat pembelian dan harga dalam sistem ERP.
- Memastikan dokumentasi perolehan sentiasa teratur dari semasa ke semasa.
- Melaksanakan tugas-tugas yang lain yang diarahkan oleh Ketua Unit dan Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.



SYARAT DAN KELAYAKAN AKADEMIK SERTA PENGALAMAN

- Warganegara Malaysia.
- Berumur tidak kurang daripada 20 tahun.
- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- Pengalaman kerja tidak kurang satu (1) tahun dalam perolehan diberi keutamaan.
- Calon yang sedang berkhidmat di dalam Kumpulan RISDA Holdings (KRH) perlu mendapat perakuan daripada Ketua Pegawai Eksekutif masing-masing.

3. KERANI PASARAN RUNCIT DAN PROMOSI (KG3)	
Gred Jawatan	: Kerani Gred 3 (KG3)
Tangga Gaji	: RM1,700 – RM3,359
Status Jawatan	: Tetap / Kontrak
Jabatan	: Pemasaran
Lokasi	: Pejabat SPSB, Menara Kumpulan RISDA, Jalan Ampang Ulu 3, Kuala Lumpur.
Kekosongan	: Satu (1)

RINGKASAN TANGGUNGJAWAB

Bertanggungjawab membantu Ketua Unit/Eksekutif dalam menguruskan aktiviti urusniaga dan pemasaran produk bekalan baja dan input pertanian syarikat termasuk memastikan dokumen dan pemfailan unit teratur.

SKOP TUGASAN

- Melaksanakan aktiviti urusniaga berkaitan Jualan, Kempen Pemasaran, Promosi dan Roadshow Produk Input Pertanian.
- Melaksanakan kerja-kerja kemasukan dokumen & penyalinan data bagi semua aktiviti berkaitan pasaran runcit dan promosi.
- Membantu merangka dan melaksanakan kerja-kerja penyediaan iklan, poster, videografi, konten dan mengemaskini akaun media sosial syarikat.
- Membantu menyediakan semua laporan dan slide Pembentangan berkaitan kontrak pasaran runcit dan promosi iaitu Laporan Kontrak, Pesanan Belian, Bekalan, tuntutan, Perancangan Bekalan dan Inventori secara Softcopy dan Hardcopy sama ada melalui SPWheel atau Buku Laporan secara Harian, Mingguan dan Bulanan mengikut KPI yang ditetapkan.
- Melakukan kerja – kerja fotokopi dan email dokumen kepada organisasi, pelanggan, syarikat atau badan tertentu bagi kontrak berkaitan pasaran runcit.
- Membantu menyediakan surat dan email untuk disemak oleh Ketua Unit dan kelulusan Ketua Jabatan
- Menjawab panggilan telefon atau pertanyaan elektronik dan menyambungkan kepada orang berkenaan.
- Melaksanakan tugas-tugas yang lain yang diarahkan oleh Ketua Unit dan Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.



SYARAT DAN KELAYAKAN AKADEMIK SERTA PENGALAMAN

- Warganegara Malaysia.
- Berumur tidak kurang daripada 20 tahun.
- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- Pengalaman kerja tidak kurang satu (1) tahun dalam pemasaran diberi keutamaan.
- Calon yang sedang berkhidmat di dalam Kumpulan RISDA Holdings (KRH) perlu mendapat perakuan daripada Ketua Pegawai Eksekutif masing-masing.

4. PEMBANTU PEGAWAI KESELAMATAN & KESIHATAN PERKERJAAN SERTA ALAM SEKITAR (TGK)	
Gred Jawatan	: Teknisyen Gred Khas (TGK)
Tangga Gaji	: RM2,235 – RM5,049
Status Jawatan	: Tetap / Kontrak
Jabatan	: Perkilangan
Lokasi	: Kilang Baja SPSB, Bandar Sultan Suleiman, Pelabuhan Klang, Selangor.
Kekosongan	: Satu (1)

RINGKASAN TANGGUNGJAWAB

Bertanggungjawab membantu Ketua Unit Keselamatan & Kesihatan Perkerjaan Serta Alam Sekitar untuk mengendalikan keseluruhan fungsi Unit Keselamatan & Kesihatan Perkerjaan Serta Alam Sekitar untuk premis pejabat dan kilang baja SPSB.

SKOP TUGASAN

- Memastikan sistem pengurusan Keselamatan & Kesihatan Perkerjaan Serta Alam Sekitar dikemaskini selari dengan keperluan dan kehendak undang-undang serta dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat.
- Membantu Ketua Unit menyediakan langkah kawalan di tempat kerja, penyediaan prosedur/langkah kerja selamat dan memastikan semua aktiviti yang dijalankan di tempat kerja dalam keadaan selamat dan sihat serta tidak memberi kesan kepada alam sekitar.
- Membantu Ketua Unit menguruskan Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan Perkerjaan Serta Alam Sekitar.
- Melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan tempat kerja.
- Membantu Ketua Unit dalam menjalankan penyiasatan kemalangan di tempat kerja serta penyediaan laporan.
- Membantu Ketua Unit mengelola sebarang program serta latihan yang berkaitan kepada pekerja.
- Menguruskan persiapan, kemaskini dan penyimpanan segala dokumen yang berkaitan dan memastikan dokumen dalam keadaan baik.
- Melaksanakan tugas-tugas yang lain yang diarahkan oleh Ketua Unit dan Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.



SYARAT DAN KELAYAKAN AKADEMIK SERTA PENGALAMAN

- Warganegara Malaysia.
- Berumur tidak kurang daripada 20 tahun.
- Sekurang-kurangnya memiliki Sijil dalam bidang Keselamatan & Kesihatan Perkerjaan Serta Alam Sekitar yang diiktiraf.
- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- Pengalaman kerja tidak kurang satu (1) tahun dalam Keselamatan & Kesihatan Perkerjaan Serta Alam Sekitar diberikan keutamaan.
- Calon yang sedang berkhidmat di dalam Kumpulan RISDA Holdings (KRH) perlu mendapat perakuan daripada Ketua Jabatan masing-masing Ketua Pegawai Eksekutif masing-masing.



CARA PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dibuat secara bersurat melalui serahan tangan, pos atau *email* dengan menyertakan dokumen-dokumen berikut:

1. *Resume* terkini
2. Salinan Kad Pengenalan
3. Salinan Surat Beranak
4. Salinan kelayakan sijil akademik dan lain-lain yang disahkan
5. Salinan slip gaji tiga (3) bulan yang telah disahkan
6. Sekeping gambar berukuran saiz pasport
7. Lain-lain dokumen sokongan tambahan yang berkaitan.

<p>Permohonan lengkap hendaklah dihantar ke alamat:</p> <p>SINERGI PERDANA SDN. BHD. (903305-K) Tingkat 10, Menara Kumpulan RISDA, Jalan Ampang Ulu 3, 55000, Kuala Lumpur T: +603-48157260 F: +603-48157280 (U/P: Ketua Pegawai Eksekutif http://www.sinergiperdana.com.my/</p> <p>ATAU</p> <p>Emailkan:</p> <p>Kepada: shifaa@sinergiperdana.com.my / nazia@sinergiperdana.com.my (Nyatakan nama jawatan yang dipohon pada tajuk email)</p> <p>**Sila nyatakan jawatan yang dipohon di penjurua kiri sampul surat</p> <p>PERHATIAN:</p> <p>Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak mengikut syarat akan ditolak. Hanya calon-calon yang ditapis senarai sahaja yang akan dipanggil temuduga.</p>	<p>TARIKH TUTUP</p> <p>SILA HANTAR PERMOHONAN ANDA SEBELUM ATAU PADA</p> <p>11 Februari 2025</p>
--	---